

21/03/2002

Mahathir artis undangan Konsert Anita

Ellyna Ali

PENGHIBUR antarabangsa Anita Sarawak menyifatkan konsert solonya yang bakal diadakan di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 7 April ini sebagai hadiah dan tanda terima kasihnya kepada semua peminat.

Katanya, konsert itu juga sekali gus menafikan desas-desus mengatakan ia kononnya persembahan terakhirnya sebelum mengucapkan selamat tinggal kepada dunia seni.

"Selagi terdaya, saya akan terus menghibur. Tapi, sampai bila... saya sendiri tidak tahu kerana semuanya adalah dengan kuasa Tuhan. Semoga Dia terus memberi saya kekuatan.

"Bagi saya, konsert ini adalah sebagai tanda ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua peminat yang setia bersama sejak dulu lagi.

"Saya akan cuba memberikan persembahan terbaik, 200 peratus!" kata Anita dalam sidang media khas di Kompleks Bukit Jalil, petang semalam.

Anita mengakui dia masih teringat, pada 1976, dia pernah mengadakan konsert bersama artis lain termasuk Allahyarham Sudirman di Stadium Negara.

"Ia sungguh hebat dan sold out. Saya harap kenangan manis itu akan berulang di Bukit Jalil. Bawalah semua anggota keluarga anda menonton konsert itu kerana ia sesuai untuk semua lapisan masyarakat," kata Anita yang ditemani suaminya, Mohd Mahathir Abdullah.

Walaupun Anita masih merahsiakan lagu serta koleksi fesyen yang akan dipakainya pada malam itu, dia mengakui suaminya, Mahathir akan membuat kejutan.

"Mahathir akan menyanyi bagi segmen pembukaan. Saya sepatutnya merahsiakan kejutan ini tetapi jangan risau, masih banyak lagi kejutan dan rahsia lain akan ditonjolkan dalam konsert itu nanti," katanya.

Kata Anita, konsert solo itu sebenarnya hadiah hari jadinya yang ke-50 (akan disambut Sabtu ini) dan ia terlalu istimewa.

"Ia penuh dengan pelbagai warna dan perasaan - ceria, humor dan juga boleh membuatkan anda menangis. Saya sekarang sudah bersiap sedia dan tidak sabar-sabar lagi menantikan tarikh 7 April ini," kata Anita yang tampak begitu bergaya dan anggun dengan fesyen rambut ala crew cut.

Konsert selama dua jam yang bermula pada 8.45 malam itu akan dipenuhi dengan 27 lagu hit Anita sepanjang menjadi artis rakaman sejak usia 17 tahun.

Untuk menjadikan menarik, persembahan itu akan dibahagikan kepada beberapa segmen. Pembukaannya berkonsepkan misteri, diikuti dengan zaman awal Anita bergelar penghibur. Kemudian mood persembahan ditukar kepada komedi, joget dan akhir sekali rancak bertenaga.

"She will rock you...!" celah Mahathir pula yang kelihatan begitu ceria dan ramah di sisi Anita yang tidak lekang dengan dua teddy bear bernama Cinta dan Roosevelt. Cinta adalah hadiah Mahathir sempena pertunangan mereka dan Roosevelt pula diberikan oleh seorang temannya dari Singapura.

Dari segi kostum, Anita sekadar memberitahu dia akan mengenakan beberapa pasang baju yang hebat rekaan pereka fesyen terkenal Singapura, Harun, yang juga teman lamanya.

Berbeza dengan persembahan di hotel, Anita mengakui dia akan mengurangkan celoteh dan lebih menumpukan kepada nyanyian dan gerak tari lincah.

Sementara itu, Pengurus Senimalaya Event, Marzuki Bakar berkata, setakat ini jualan tiket Anita cukup memberangsangkan.

"Kita akan cuba memberikan yang terbaik daripada Anita kepada peminat. Untuk sistem lampu dan bunyi saja, kita peruntukkan kos sebanyak RM400,000 supaya ia memberikan kepuasan kepada penonton.

"Kami harap dengan publisiti meluas daripada pihak media, jualan tiket konsert Anita akan terus meningkat lagi. Dan sepanjang saya menceburkan diri dalam bidang penganjuran konsert, inilah antara tugas yang paling mencabar," katanya.

(END)